

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HKT 502 Teori Dan Kaedah Penyelidikan Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **TIGA** [3] soalan sahaja. Sekurang-kurangnya **SATU** [1] soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A:

1. Pemilihan masalah, perumusan kerangka teoritis, perumusan hipotesis, dan pemilihan metod merupakan aspek-aspek penting dalam perancangan penyelidikan ilmiah. Bincangkan setiap aspek itu sehingga menampakkan anda benar-benar bersedia dan berupaya melaksanakan satu penyelidikan dalam bidang kesusasteraan.
2. Pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang berkesan dalam pengkajian sastera lisan. Berdasarkan satu tajuk hipotetikal, terangkan bagaimana anda melaksanakan kaedah pemerhatian dalam kajian tersebut.
3. Dalam pengkajian kesusasteraan filologi telah diterima sebagai salah satu metodologi yang mantap. Berdasarkan satu model yang benar atau hipotetikal, bincangkan kerja-kerja dalam filologi ini.

Bahagian B:

4. Mengumpul data bukanlah matlamat satu-satu penyelidikan. Ia hanya merupakan salah satu daripada beberapa tahap dalam proses penyelidikan yang rumit dan mencabar. Bincangkan pernyataan di atas berdasarkan kepada pandangan Jacques Barzun dan Henry F. Graff dalam The Modern Researcher.
5. Claudio Guillen dalam bukunya Literature as System menyatakan “ ‘Structure’ designates specially the interrelations (of significant dependence) between constituent units, ‘system’ the set which is held together by these relations or the larger configuration embracing one after another in historical time.” Bincangkan bagaimana kefahaman anda tentang istilah ‘struktur’ dan ‘sistem’ ini membantu anda membentuk wawasan bagi satu-satu kajian.
6. Di dalam The Art of Literary Research, Richard D. Altick mengemukakan lima permasalahan yang perlu ditangani dalam menjalankan penyelidikan kesusastraan. Dengan memberikan contoh-contoh yang jelas, huraikan permasalahan-permasalahan tersebut.
7. “Every writer’s problem - can now be seen in its fullness: to be effective a mass of words must have Form. That form must satisfy the opposite demands (a series of things after the other), while also holding the reader’s interest through coherence (ease in passing from one thing to another). Any good arrangement will meet these demands” - Jacques Barzun. Bincangkan pernyataan di atas.

--oo000oo--